



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

28 /2026

## SIARAN MEDIA

### **MENTERI KUSKOP KEMUKAKAN PELAN TINDAKAN 10 PERKARA PERKUKUH SOKONGAN PMKS BERSAMA BANK KOMERSIL**

---

**KUALA LUMPUR, 7 April** – Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Steven Sim Chee Keong baru-baru ini telah mengadakan pertemuan bersama 16 wakil pengurusan tertinggi daripada Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM) yang diketuai oleh Pengerusinya, Dato' Sri Khairussaleh Ramli.

Sesi libat urus tersebut memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh penyelarasan antara sektor perbankan dan Kerajaan bagi menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia dalam menghadapi ketidaktentuan global yang berterusan serta tekanan kos berkaitan tenaga yang semakin meningkat.

Dalam pertemuan tersebut, YB Steven Sim telah mengemukakan pelan tindakan 10 perkara bagi memperkukuh kerjasama antara KUSKOP dan institusi kewangan dalam menyokong PKS.

1. Memberi keutamaan kepada sokongan asas perniagaan dengan memastikan akses berterusan kepada pembiayaan modal kerja memandangkan 43% pinjaman PKS adalah bagi keperluan operasi supaya perniagaan dapat terus bertahan dalam menghadapi tekanan kos tenaga.
2. Penggunaan kriteria penilaian yang lebih inklusif dan praktikal bagi PKS dalam meningkatkan akses kepada pembiayaan.

3. Mempercepatkan tempoh pemprosesan dan kelulusan pinjaman bagi memastikan sokongan dapat disalurkan dengan lebih pantas kepada perniagaan.
4. Meningkatkan fleksibiliti dalam tempoh ketidaktentuan melalui penstrukturan serta penjadualan semula pembayaran balik pembiayaan, dan jika perlu, moratorium pembayaran semula berasaskan *case-to-case basis*.
5. Memperkukuh kerjasama antara bank perdagangan, KUSKOP dan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) melalui pembiayaan bersepadu bagi mengoptimumkan sumber dan memaksimumkan impak.
6. Menggunakan kaedah dasar "*no wrong door*" untuk merujuk PMKS kepada produk & perkhidmatan di institusi kewangan lain termasuk DFI jika tiada produk yang sesuai di institusi kewangan asal.
7. Mempergiatkan kerjasama dalam program pembangunan kapasiti bagi memperkukuh keupayaan serta daya tahan PKS.
8. Meningkatkan mempromosi dan melaksanakan produk kewangan berfokuskan PKS sepanjang tahun ini.
9. Kolaborasi bersama SME Corp. Malaysia bagi menambah nilai serta pengiktirafan status akreditasi PKS.
10. Bekerjasama dengan KUSKOP di bawah inisiatif PowerUp10k bagi merencanakan lagi strategi penskalaan perniagaan-perniagaan rakyat Malaysia.

YB Steven Sim turut merakamkan penghargaan kepada wakil pengurusan tertinggi daripada 12 bank yang hadir atas respons positif dan sokongan terhadap cadangan

yang dikemukakan serta menegaskan kepentingan pendekatan keseluruhan ekosistem dalam menyokong PMKS.

Beliau menyatakan bahawa kerjasama berterusan antara kerajaan dan institusi kewangan adalah penting bagi memastikan perniagaan Malaysia kekal berdaya tahan, berdaya saing dan bersedia untuk pertumbuhan meskipun berdepan cabaran global.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh beberapa pemimpin utama industri, termasuk Tan Sri Dato' Sri Dr Tay Ah Lek, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Public Bank dan Dato' Mohd Rashid bin Mohamad, Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif RHB Bank.

Turut hadir ialah pengurusan kanan daripada Maybank, AmBank (M), Bangkok Bank, Bank of America Malaysia, CIMB Bank, Hong Leong Islamic Bank, OCBC Bank (Malaysia), Public Bank, RHB Bank, UOB Malaysia, Standard Chartered Saddiq Berhad dan Boost Bank Berhad.

Selain itu, pengurusan kanan daripada agensi di bawah KUSKOP, termasuk Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN Nasional dan SME Corp. Malaysia, turut hadir dalam pertemuan yang diadakan di Asian Institute of Chartered Bankers (AICB), Kuala Lumpur.

## **KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**7 APRIL 2026**